

60 peserta sertai Kem Bakat Badminton bersama Misbun Sidek

UM 15.11.2012 23

LABUAN 14 Nov. - Sebanyak 60 peserta berumur antara sembilan hingga 12 tahun menyertai Kem Bakat Badminton Bersama Datuk Misbun Sidek di Dewan Utama Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) pada 9 hingga 11 November lalu.

Kem Bakat Badminton selama tiga hari itu dianjurkan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Labuan, Kelab Badminton Nusa Mahsuri, UMS-KAL, Institut Sukan Negara (ISN) dan Persatuan Badminton Labuan.

Selain Misbun, kem bakat itu turut dikendalikan bekas pakar badminton negara, Jalani Sidek, bekas pemain negara, Rahman Sidek, Ridzuan Rahmat, Zulfari Abdullah, Shamsul Anwar Adnan dan Lia Murni Misbun.

Majlis penutupan dan penyampaian sijil penyertaan disempurnakan Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah yang mewakili Pengarah UMS-KAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali.

Turut hadir, Penolong Pengarah Belia JBS, Mazlan Anis, Pegawai Belia dan Sukan UMS-KAL, Gabriel Moinjil, Naib Presiden Persatuan



MISBUN Sidek menyerahkan sijil penyertaan kepada salah seorang peserta di Dewan Utama Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan, baru-baru ini.

Badminton Labuan, Ahmad Zainud-din Awang Besar dan Penyelaras Kem Bakat Badminton 2012, Jais Osman.

Misbun yang juga bekas pemain dan bekas jurulatih badminton negara menyeru ibu bapa terus mem-

beri galakan kepada anak-anak sehingga mampu menjadi pemain yang mewakili negara pada masa depan.

Katanya, sokongan ibu bapa adalah antara faktor utama untuk negara menghasilkan seorang pemain

badminton terbaik sekali gus memastikan Malaysia tidak ketandusan pemain berkebolehan.

"Ibu bapa tidak mempunyai pilihan selain memberi semangat kepada anak-anak yang berbakat dalam sukan badminton untuk me-

wakili negeri dan negara kerana perkara itu penting untuk Malaysia mengukuhkan kedudukan dalam arena sukan berprestij ini," katanya.

Misbun yang juga Pengarah Urusan Nusa Mahsuri berkata, ramai pemain berbakat di seluruh negara termasuk di Wilayah Persekutuan Labuan tidak dapat diketengahkan kerana kurang mendapat bimbingan dan galakan.

Beliau berkata, Kelab Nusa Mahsuri telah mengendalikan 17 Kem Bakat Badminton di seluruh negara semata-mata bagi membantu mencungkil bakat-bakat muda sebagai pelapis negara.

Misbun yang berjaya melahirkan ramai pemain badminton terbaik dunia termasuk Rashid Sidek, Hafiz Hashim dan Roslin Hashim serta Datuk Lee Chong Wei berkata, dia berharap pihak sekolah dapat mengenal pasti pemain berbakat selain membuka peluang kepada pelajar menyertai lebih banyak pertandingan di peringkat daerah dan negeri.

"Menjadi seorang pemain badminton juga mampu menjana pendapatan lumayan kerana kerajaan menyediakan pelbagai imbuhan yang boleh dinikmati selain tajaan pelbagai pihak," katanya.